



GARIS PANDUAN AM PENGANJURAN MAJLIS DI KUIS

Merangkumi :

- Mesyuarat
- Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan
- Persidangan
- Ceramah
- Semua Majlis Rasmi KUIS

Perkara dibenarkan :

- Jumlah peserta **maksima 250** orang mengikut kapasiti ruang tempat penganjuran **dengan penjarakan sekurang-kurang 1 meter**

Arahan tetap:

- Penganjuran di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- *Patient under Investigation* (PUI) & *Person under Surveillance* (PUS) tidak dibenarkan hadir
- SOP berkaitan penganjuran majlis di Institut Latihan Awam, Hotel, Pusat Konvensyen dan sebagainya di bawah Kementerian dan Agensi berkaitan

Penganjuran Tidak Dibenarkan Jika:

- Sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa
- Sukar untuk mengawal perlakuan
- Tidak dibenarkan berkongsi bilik sekiranya perlu menginap

Waktu Beroperasi	Tertakluk kepada penganjuran	Waktu Kehadiran Pelanggan	Tertakluk kepada penganjuran	Kapasiti Pekerja	<250 orang tertakluk kepada saiz ruang dan penjarakan sosial
------------------	------------------------------	---------------------------	------------------------------	------------------	--

AKTIVITI DAN PROTOKOL BAGI PENGANJUR/URUS SETIA/PENCERAMAH/PESERTA

Tindakan	Penerangan Ringkas
Proses Pendaftaran peserta	<ol style="list-style-type: none"> a. Saringan kesihatan hendaklah dilakukan di pintu masuk KUIS bertujuan memastikan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Peserta dengan suhu melebihi 37.5 Celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk ke kawasan KUIS. b. Penganjur, urusetia dan penceramah juga perlu menjalani saringan kesihatan. c. Petugas di kaunter saringan kesihatan juga perlu memastikan para peserta membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan merekod kehadiran peserta. d. Semasa para peserta menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi. e. Jawatankuasa penganjur, urusetia, penceramah dan peserta digalakkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>). f. Mengawal pintu masuk dan kehadiran peserta yang masuk ke dalam ruang persidangan. g. Kehadiran peserta hendaklah tidak melebihi 250 orang tertakluk kepada saiz keluasan ruang.
Pendaftaran Peserta Menggunakan Aplikasi MySejahtera/ SELangkah	<ol style="list-style-type: none"> a. Semua penganjur mesti mendaftarkan peserta menggunakan imbasan QR Code melalui aplikasi MySejahtera/SELangkah selain daripada pendaftaran bagi rekod penganjur. b. Peserta yang tidak mempunyai telefon pintar direkodkan secara manual.
Ruang Majlis / Persidangan	<ol style="list-style-type: none"> a. Melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum dan selepas penganjuran program; b. Memastikan tempat penganjuran persidangan mempunyai pengudaraan yang baik; c. Menyusun dan menanda kedudukan peserta di dalam ruang persidangan. Penjarakan sosial 1 meter antara susunan tempat duduk; d. Sebarang penyediaan dan pemberian makanan adalah secara <i>pack-food</i> dan makan dalam kedudukan penjarakan serta tidak berkumpul semasa makan; e. Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.